Unit Komunikasi Korporat

KERATAN AKHBAR

| | | |
|---|---|---|
| AKHBAR | : | UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS) |
| TARIKH | : | 21/4/2017 — MUKA SURAT : 24 |
| JABATAN | : | PERHILITAN |
| KLASIFIKASI | : | **PERHATIAN** |

# Tapir yang kian pupus



**ralat & rawat**

Bersama
**DR. AHMAD ISMAIL**

Siri 12

SETIAP tahun pada 27 April, peminat atau pengkaji tapir dunia menyambut Hari Tapir Sedunia.

Tujuan utama menyambut Hari Tapir Sedunia ialah untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang tapir, ancaman kepupusan dan menyumbang kepada tabung pemuliharaan tapir.

Di Malaysia juga tidak ketinggalan, peminat tapir, penyelidik tapir dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) seperti Persatuan Pencinta Alam (MNS) menyambut hari berkenaan.

Pelbagai aktiviti yang telah dijalankan pada tiap tahun sempena Hari Tapir Sedunia. Antara aktiviti yang diadakan ialah ceramah tentang tapir, tayangan video tapir, aktiviti pendidikan dan bengkel untuk kanak-kanak dan remaja, aktiviti bersama orang awam melalui anjuran bersama pasar raya yang mana menjadi tumpuan ramai dan aktiviti anjuran pelajar di universiti.

Mungkin pada 27 April nanti semua sekolah dapat memperkenal tapir kepada pelajar dengan menampal sekeping gambar atau lukisan dalam bilik darjah dan semua pelajar dapat melihatnya. Mungkin dengan menampal gambar ini pada 27 April nanti semua murid sekolah akan tahu apa itu tapir dan mereka akan beritahu kawan-kawan dan keluarga mereka.

Ramai rakyat Malaysia masih belum kenal tapir. Ramai juga tidak tahu yang tapir adalah spesies mamalia yang penting di Semenanjung Malaysia yang sudah terancam.

Mungkin apabila ada yang membaca kes tapir dilanggar kereta atau terjatuh longkang dalam surat khabar atau yang pernah melawat zoo mungkin mereka pernah tahu tentang tapir. Maka sambutan Hari Tapir Sedunia ini sangat penting bagi rakyat Malaysia supaya semua tahu tentang tapir dan bersama-sama membantu dalam perlindungan tapir dan pemuliharaannya. Kenapa kita perlu memulihara tapir? Selain daripada keunikannya dan istimewa di Semenanjung Malaysia, tapir mempunyai peranan penting dalam kestabilan hutan tropika.

Tapir Malaya ini boleh dijumpai di habitat yang luas seperti hutan paya gambut, hutan tanah rendah, berbukit, hutan sekunder dan kawasan ladang kelapa sawit atau getah yang bersempadan dengan hutan dara atau hutan tumbuh semula.

Dalam habitat semula jadi tapir berperanan dalam penyebaran biji benih serta pertumbuhan dan kesuburan pokok baharu. Perangai tapir dalam mencari makanan, bergerak dalam kawasan legar yang luas sangat membantu dalam kesihatan hutan. Tapir Malaya pernah dilaporkan dijumpai di Sumatera, Semenanjung Malaysia, Vietnam, Kemboja, Thailand dan Myanmar.



GAMBAR tapir yang dirakam menggunakan perangkap kamera.

Sekarang kebanyakan laporan tentang tapir aktif di Semenanjung Malaysia dan Sumatera serta beberapa di Thailand. Di semua tempat, walaupun tidak diburu untuk makanan secara agresif seperti mamalia lain, tapir masih terancam disebabkan oleh habitat yang terganggu akibat aktiviti pembalakan, pembangunan dan perladangan.

Kita beruntung mempunyai tapir ini di Semenanjung Malaysia. Malah di Selangor, tapir merupakan haiwan mamalia terbesar yang masih ada. Di Selangor kini sudah tidak ada lagi mamalia besar seperti gajah, harimau dan badak Sumatera di habitat liar. Oleh kerana hutan di Selangor sudah mengecil maka tidak lagi mampu menampung haiwan seperti gajah, harimau dan badak Sumatera.

Berdasarkan undang-undang Malaysia, tapir dilindungi sepenuhnya bawah Akta Hidupan Liar 2010.

Memburu, menyimpan tanpa permit adalah salah dan boleh didenda atau dipenjara. Tapir disenaraikan dalam CITES (*Convention on International Trade in Endangered Species of Wild Fauna and Flora*), dan juga sebagai spesies yang terancam dalam Senarai Merah Kesatuan Antarabangsa Bagi Konservasi Alam Semula Jadi (IUCN 2011).

Penurunan bilangan tapir di habitat liar berterusan akibat daripada kehilangan habitat, pemencilan hutan, pemburuan haram, kemalangan jalan raya, racun perosak dan terjerat oleh aktiviti pemburuan haiwan lain.

Berdasarkan laporan *Integreative Zoology* 2012, lebih kurang 37 peratus keluasan Semenanjung Malaysia sesuai sebagai habitat tapir dan aktiviti pembalakan mengambil kawasan sebanyak 45 peratus daripada kawasan yang sesuai sebagai habitat tapir. Ini telah memberikan tekanan kepada tapir yang memerlukan kawasan legar yang luas antara satu atau dua kilometer (km) persegi.

Di Negeri Selangor terdapat Rezab Hidupan Liar Sungai Dusun ditubuhkan pada tahun 1964 yang pada mulanya direzabkan untuk melindungi badak Sumatera. Kawasan yang berkeluasan 4,330 hektar, terletak kira-kira 120 km ke utara Kuala Lumpur secara umumnya terdiri daripada hutan dipterokap tanah pamah dan hutan paya gambut dengan puncak tertingginya 253 meter dari aras laut.



CONTOH habitat penting tapir yang diteroka untuk aktiviti pertanian.

Sekarang ini kawasan ini menempatkan tapir untuk tujuan pemuliharaan dan dikenali sebagai Pusat Konservasi Hidupan Liar Sungai Dusun. Hutan ini juga adalah untuk tujuan pendidikan dan penyelidikan. Satu aktiviti pendidikan dan penyelidikan yang sistematik perlu dijalankan bagi menjayakan peruntukan kerajaan ini.

Oleh kerana status Tapir Malaya adalah terancam, maka kerajaan Malaysia mengambil langkah serius dalam pemuliharaannya.

Sejak 2010 hingga sekarang lebih 35 ekor telah mati dilanggar kenderaan. Jalan raya memotong laluan mereka dalam hutan semula jadi dan pembangunan berdekatan dengan hutan telah menjadikan mereka dekat dengan manusia. Walaupun tapir mempunyai deria pendengaran dan bau yang sensitif, mereka mempunyai penglihatan yang kurang.

Ini mungkin antara sebab mereka mudah terlibat dengan kemalangan jalan raya. Misalnya pembangunan pesat di kawasan Puncak Alam, Selangor mencatatkan sebanyak empat ekor tapir mati antara tahun 2005 dan 2013, manakala di Lebuh Raya Pantai Timur (LPT) 2 pula sejak 2012 sebanyak lima ekor tapir Malaya mati dilanggar.

Kawasan-kawasan berkenaan sudah terkenal sebagai habitat tapir. Kerajaan telah mengambil langkah aktif dengan pendekatan bersepadu dalam menangani isu perlindungan tapir dan pemuliharaannya. Antara tindakan segera ialah menandakan kawasan sensitif hidupan liar termasuk tapir dengan meletakkan papan tanda di jalan raya, membina pagar dan laluan melintas.

Tujuan papan tanda adalah supaya pemandu lebih berhati-hati dengan hidupan liar yang melintas. Tambahan pula tapir aktif pada waktu malam, papan tanda kawasan yang berpotensi tapir melintas mesti diadakan. Ada juga tapir yang ditangkap dan dipindahkan ke kawasan yang lebih luas dan selamat seperti Taman Negara atau Hutan Belum, Perak.

Kerajaan juga melaksanakan program penyambungan hutan-hutan penting bagi memberikan ruang untuk laluan hidupan liar yang berpindah dari satu hutan ke hutan lain. Pergerakan hidupan liar amnya dari satu tempat ke satu tempat adalah penting untuk mencari makanan, tujuan pembiakan dan kesesuaian dengan habitat mereka. Tapir misalnya sangat terpengaruh dengan taburan hujan dan keadaan pinggir hutan.

Pengurangan populasi tapir yang cepat, 50 peratus dalam 36 tahun lepas memerlukan kajian segera bagi memastikan tindakan tepat dalam pemuliharaan. Kajian tentang ekologi, pembiakan dan populasi mereka perlu disegerakan.

Tambahan sekarang anggaran tapir di Semenanjung Malaysia adalah antara antara 1,000 hingga 1,500 ekor sahaja. Bilangan ini perlu diperincikan lagi mengikut habitat atau kawasan hutan mereka diami. Pemantauan secara berkala dan jangka panjang perlu dijalankan oleh pihak bertanggungjawab dan adalah lebih baik sekiranya melibatkan penduduk dan badan bukan kerajaan seperti MNS di kawasan hutan yang dikenal pasti ada tapir.

Kepulauan hutan, konflik dengan manusia dan kepelbagaian genetik akan memberikan tekanan yang lebih serius kepada populasi tapir masa hadapan.




**INFO**

- Di Malaysia tapir juga disebut sebagai cipan, tenuk atau badak tampung.
- Tapir yang nama saintifiknya *Tapirus indicus* dari famili Tapiridae dan order Pesissodactyla mudah dikenal menerusi rupa yang unik seperti mempunyai struktur seperti belalai yang pendek yang sensitif berguna semasa mengambil makanan dan berenang.
- Tapir mempunyai empat jari di kaki hadapan dan tiga jari di kaki belakang, dan warna badan hitam dan putih yang jelas. Warna hitam putih ini sangat berkesan dalam melindungi daripada pemangsa di dalam hutan.
- Tapir Malaya adalah antara empat spesies tapir yang masih ada di dunia.
- Tapir Malaya adalah tapir paling besar di dunia dan merupakan satu-satunya tapir yang ada di luar benua Amerika.
- Bagi tapir dewasa tingginya lebih kurang antara 90 hingga 110 sentimeter (cm), panjang badan lebih kurang 180 hingga 250 cm dan beratnya antara 250 hingga 500 kg.
- Tapir betina selalunya lebih besar daripada tapir jantan.
- Oleh kerana Tapir Malaya ini sangat unik, ia menarik perhatian ramai peminat dan pengkaji tapir dunia.

